

**Embargo sehingga jam 1200,
Rabu, 6 Disember 2017**

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

PRESTASI PERDAGANGAN LUAR BAGI BULAN OKTOBER 2017 DAN TEMPOH JANUARI–OKTOBER 2017[#]

Oktober 2017 – Lebihan Dagangan Tertinggi Sejak April 2016

Jumlah perdagangan Malaysia pada **Oktober 2017 melonjak 19.8% kepada RM154.26 bilion** berbanding Oktober 2016. Perdagangan dengan ASEAN, China, Amerika Syarikat (AS), Hong Kong SAR, Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan Taiwan merupakan penyumbang utama kepada pertumbuhan ini.

Eksport pada Oktober 2017 tumbuh 18.9% kepada RM82.41 bilion, **melebihi RM80 bilion buat kali ketiga pada tahun 2017**. Import naik 20.9% kepada RM71.85 bilion. Lebihan dagangan meningkat kepada RM10.56 bilion, **nilai tertinggi dicatatkan sejak April 2016**, merupakan yang ke-240 bulan berturut-turut sejak November 1997.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing berkembang 4.3%, 5.3% dan 3.2%.

Jumlah perdagangan pada sepuluh bulan pertama tahun 2017 bernilai RM1.465 trilion, berkembang 21.5% berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport berjumlah RM772.66 bilion, naik 21.1% manakala import berada pada nilai RM692.51 bilion, meningkat 21.9%. Lebihan dagangan bernilai RM80.15 bilion direkodkan, naik 14.4% berbanding tempoh yang sama tahun 2016.

Prestasi Eksport Sektor Utama

Pertumbuhan Positif Semua Sektor Eksport

Eksport **barangan perkilangan** pada Oktober 2017 meningkat 19.5% atau RM11.11 bilion kepada RM68.07 bilion, menyumbang 82.6% daripada jumlah eksport Malaysia. Peningkatan ini disokong terutamanya oleh kenaikan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E) dan keluaran petroleum, di mana secara kolektif menyumbang 54.8% kepada jumlah eksport barangan perkilangan. Kesemua subsektor utama mencatatkan pertumbuhan dua digit dalam eksport kecuali barang makanan diproses dan barangan kayu.

Eksport **hasil galian** tumbuh 27.3% kepada RM6.7 bilion, menyumbang 8.1% kepada jumlah eksport Malaysia. Pertumbuhan ini telah dipacu oleh kenaikan eksport petroleum mentah, berikutan pertambahan Nilai Unit Purata (AUV) dan kuantiti.

Eksport **keluaran pertanian** naik 6.3% kepada RM6.98 bilion berbanding Oktober 2016, dengan syer sebanyak 8.5% daripada jumlah eksport. Eksport minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit yang meningkat 7.9% kepada RM4.98 bilion merupakan penyumbang utama kepada kenaikan ini.

Barangan eksport utama pada **Oktober 2017** adalah seperti berikut:

- Barangan E&E bernilai RM31.11 bilion, merangkumi 37.7% daripada jumlah eksport, meningkat 16.9% berbanding Oktober 2016;
- Keluaran petroleum, RM6.17 bilion, 7.5% daripada jumlah eksport, meningkat 21.4%;
- Kimia dan bahan kimia, RM5.93 bilion, 7.2% daripada jumlah eksport, naik 17.5%;
- Minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, RM4.98 bilion, 6% daripada jumlah eksport, meningkat 7.9%; dan
- Barangan perkilangan logam, RM3.39 bilion, 4.1% daripada jumlah eksport, naik 38%.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport barangan perkilangan naik 3.7%, keluaran pertanian (\uparrow 10.8%) dan hasil galian (\uparrow 21%).

Pada tempoh sepuluh bulan pertama tahun 2017, eksport **barangan perkilangan** berkembang 20.5% kepada RM634.22 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016, disumbangkan oleh kenaikan eksport barangan E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta barangan besi dan keluli. Eksport **hasil galian** naik 29.4% kepada RM65.38 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport gas asli cecair (LNG) dan petroleum mentah berikutan peningkatan AUV dan kuantiti. **Kesemua barangan di bawah sektor galian merekodkan pertumbuhan eksport dua digit pada tempoh tersebut.** Eksport **keluaran pertanian** naik 14.8% kepada RM65.37 bilion, berikutan kenaikan eksport minyak sawit dan getah asli, disokong oleh kenaikan AUV.

Prestasi Pasaran Utama

ASEAN Memacu Pertumbuhan Eksport

Pada Oktober 2017 perdagangan dengan ASEAN meningkat 22.4% kepada RM43.28 bilion, berbanding Oktober 2016, merangkumi 28.1% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport merekodkan pertumbuhan dua digit 19.5% kepada RM23.9 bilion. Kenaikan ini **disumbangkan terutamanya oleh prestasi kukuh eksport barangan E&E** yang naik sebanyak RM1.4 bilion, diikuti oleh petroleum mentah, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia, barangan optik dan saintifik serta LNG. Import dari ASEAN berkembang 26.1% kepada RM19.38 bilion.

Pecahan eksport ke negara ASEAN pada Oktober 2017 adalah seperti berikut:

- | | |
|-------------|---|
| • Singapura | RM 11.27 bilion, meningkat 16.1% |
| • Thailand | RM 4.88 bilion, \uparrow 30.2% |
| • Indonesia | RM 3.24 bilion, \uparrow 21.9% |
| • Viet Nam | RM 2.27 bilion, \uparrow 12.9% |
| • Filipina | RM 1.50 bilion, \uparrow 23.7% |
| • Myanmar | RM 432.7 juta, \uparrow 9.4% |
| • Brunei | RM 199.4 juta, \uparrow 28.0% |

- Kemboja RM 97.7 juta, ↓4.6%
- Lao PDR RM 3.3 juta, ↓31.2%

Eksport ke **Singapura** meningkat RM1.57 bilion, disumbangkan terutamanya oleh kenaikan eksport barang E&E. Eksport ke **Thailand** berkembang RM1.13 bilion berikutan kenaikan eksport petroleum mentah manakala eksport ke **Indonesia** meningkat RM582 juta, berikutan kenaikan eksport kelengkapan pengangkutan.

Perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 5.4%, 5% dan 5.2%.

Pada tempoh Januari-Okttober 2017, perdagangan dengan ASEAN berkembang 23% kepada RM404.4 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport ke rantau ini berkembang 20.1% kepada RM226.28 bilion. **Pertumbuhan kukuh dicatatkan oleh semua sektor utama, khasnya barangan perkilangan**, didahului oleh barang E&E, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, kelengkapan pengangkutan, jentera, kelengkapan dan peralatan serta barangan optik dan saintifik. Import tumbuh 27% kepada RM178.12 bilion.

Permintaan Kukuh Dari China Pada Oktober

Pada Oktober 2017, perdagangan dengan China meningkat 18.8% tahun ke tahun kepada RM25.02 bilion, merangkumi 16.2% daripada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport ke China berkembang 20.5% kepada RM11.45 bilion**, disokong oleh kenaikan eksport LNG, barangan perkilangan logam, keluaran petroleum, kimia dan bahan kimia, keluaran getah serta petroleum mentah. **Eksport ke China pada Oktober mencatatkan pertumbuhan tahun ke tahun lebih pantas berbanding import bagi tujuh bulan berturut-turut**. Import dari China naik 17.4% kepada RM13.57 bilion.

Berbanding September 2017, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing naik 0.5%, 2.1% dan 1.4%.

Perdagangan dengan China pada Januari-Okttober 2017 tumbuh 24.1% kepada RM237.96 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport ke China naik 33.5% kepada RM103.32 bilion, berikutan kenaikan eksport barang E&E, keluaran petroleum, LNG, kimia dan bahan kimia serta keluaran getah. Import dari China meningkat 17.8% kepada RM134.64 bilion.

EU - Eksport Dipacu oleh Barang Perkilangan

Perdagangan Malaysia dengan EU pada Oktober 2017 berjumlah RM14.94 bilion atau 9.7% daripada jumlah perdagangan Malaysia, meningkat 12.8% berbanding Oktober 2016. Eksport ke EU berkembang 9.3% kepada RM7.89 bilion **dipacu oleh eksport barang perkilangan**, khasnya barang E&E yang meningkat 14.5% kepada RM4.21 bilion. Subsektor barang perkilangan lain yang turut mencatatkan peningkatan ialah barang besi dan keluli, kelengkapan pengangkutan, kimia dan bahan kimia, barang perkilangan logam, jentera, kelengkapan dan peralatan serta keluaran getah. Import tumbuh 17% kepada RM7.05 bilion.

Antara 10 pasaran utama EU, eksport ke 9 pasaran telah mencatatkan peningkatan dengan 5 daripadanya merekodkan pertumbuhan dua digit, iaitu **Perancis** (\uparrow 10.9%), **Itali** (\uparrow 47.3%), **Sepanyol** (\uparrow 43.9%), **Hungary** (\uparrow 83.8%) dan **Poland** (\uparrow 37.4%). **Slovenia** merekodkan pertumbuhan kukuh sebanyak 143% atau RM134.5 juta.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, import dan jumlah perdagangan masing-masing naik 16.8% dan 6.5%, manakala eksport mengurang 1.3%.

Dalam tempoh sepuluh bulan pertama 2017, perdagangan dengan EU merekodkan pertumbuhan 16.8% kepada RM142.34 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2016. **Eksport ke EU meningkat 21.1% kepada RM78.79 bilion**, berikutan kenaikan eksport barang E&E, barang besi dan keluli, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit, keluaran getah serta barang optik dan saintifik. Import dari EU berkembang 12% kepada RM63.54 bilion.

Eksport ke AS Kekal Kukuh

Perdagangan dengan AS pada Oktober 2017 berkembang 17.3%, tahun ke tahun, kepada RM13.36 bilion dan menyumbang 8.7% kepada jumlah perdagangan Malaysia. **Eksport tumbuh 13.8% kepada RM8.02 bilion, disumbang oleh pertumbuhan eksport barang perkilangan dan keluaran pertanian.** Penyumbang utama kepada peningkatan ini adalah barang E&E, barang optik dan saintifik, kimia dan bahan kimia, barang besi dan keluli, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit, barang kayu, keluaran getah serta barang perkilangan logam. Import naik 23% kepada RM5.34 bilion.

Berbanding September 2017, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing berkembang 4.4%, 3.8% dan 4.2%.

Pada tempoh Januari-Oktoper 2017, jumlah perdagangan dengan AS meningkat 18.9% kepada RM133.24 bilion berbanding tempoh yang sama tahun 2016. Eksport ke AS naik 11.7% kepada RM74.18 bilion dengan **hampir kesemua barang merekodkan pertumbuhan.** Import dari AS naik 29.2% kepada RM59.06 bilion.

Jepun – Pertumbuhan Eksport Dua Digit

Perdagangan dengan Jepun pada Oktober 2017 berkembang 17.9% tahun ke tahun, kepada RM11.53 bilion, merangkumi 7.5% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke Jepun meningkat 20.4% kepada RM5.93 bilion, **disokong terutamanya oleh kenaikan eksport barang perkilangan,** di antaranya, barang E&E, barang besi dan keluli, kimia dan bahan kimia serta barang kayu. Hasil galian turut menyumbang kepada peningkatan eksport ke Jepun, khasnya, LNG dan petroleum mentah. Import naik 15.4% kepada RM5.6 bilion.

Berdasarkan perbandingan bulan ke bulan, eksport, import dan jumlah perdagangan masing-masing meningkat 1.7%, 5% dan 3.3%.

Dalam tempoh sepuluh bulan pertama 2017, perdagangan dengan Jepun bernilai RM114.6 bilion, tumbuh 16.7% berbanding tempoh yang sama tahun lalu. Eksport ke Jepun berjumlah RM61.96 bilion, berkembang 20.1% berikutan kenaikan eksport barang E&E, LNG, kimia dan bahan kimia, tekstil, pakaian dan kasut, barang besi dan keluli serta keluaran petroleum. Import dari Jepun tumbuh 13% kepada RM52.64 bilion.

Pertumbuhan Kukuh Perdagangan dengan Rakan FTA

Pada Oktober 2017, perdagangan dengan rakan dagang Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) berkembang 19.1% tahun ke tahun, kepada RM97.6 bilion dan merangkumi 63.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport ke negara rakan dagang FTA bernilai RM51.17 bilion, naik 18.4% manakala import berkembang 20% kepada RM46.43 bilion.

Eksport ke **Australia** tumbuh 26% kepada RM2.68 bilion, disumbang oleh kenaikan eksport petroleum mentah, **Turki** (\uparrow 39.2% kepada RM1.02 bilion, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit), **Republik Korea (ROK)** (\uparrow 12.1% kepada RM2.43 bilion, barang E&E), **Pakistan** (\uparrow 19.9% kepada RM563.5 juta, minyak sawit dan keluaran pertanian berdasarkan minyak sawit), **New Zealand** (\uparrow 8.7% kepada RM540.3 juta, keluaran petroleum) dan **Chile** (\uparrow 17.9% kepada RM64.9 juta, kimia dan bahan kimia).

Berbanding September 2017, jumlah perdagangan, eksport dan import masing-masing meningkat 3.8%, 5% dan 2.5%.

Pada tempoh Januari-Oktober 2017, jumlah perdagangan dengan rakan dagang FTA meningkat 22.4% kepada RM927.47 bilion, merangkumi 63.3% daripada jumlah perdagangan Malaysia. Eksport bernilai RM486.74 bilion, naik 23% dan import berjumlah RM440.73 bilion, berkembang sebanyak 21.7%. **Kenaikan eksport direkodkan ke semua rakan dagang FTA kecuali Lao PDR.**

Prestasi Import

Pada Oktober 2017, import meningkat 20.9%, tahun ke tahun, kepada RM71.85 bilion. Tiga kategori utama import mengikut penggunaan akhir adalah:

- **Barang pengantara**, berjumlah RM38.91 bilion atau 54.1% daripada jumlah import, meningkat 14.8%, berikutan kenaikan import bekalan industri diproses, khasnya barang plastik;
- **Barang modal**, bernilai RM9.18 bilion atau 12.8% daripada jumlah import, tumbuh 5.1%, disumbang oleh peningkatan import barang modal (kecuali kelengkapan pengangkutan) terutamanya jentera dan perkakasan mekanikal; dan
- **Barang penggunaan**, berjumlah RM5.95 bilion atau 8.3% daripada jumlah import, naik 11.1%, hasil kenaikan import barang makanan dan minuman diproses khusus untuk penggunaan isi rumah, terutamanya sediaan boleh dimakan.

Pada tempoh sepuluh bulan pertama tahun 2017, import bernilai RM692.51 bilion, meningkat 21.9% berbanding tempoh yang sama tahun 2016. **Barang pengantara** bernilai RM400.21 bilion, naik 23.1%, **barang modal** (RM93.26 bilion, ↑13.7%) dan **barang penggunaan** (RM58.26 bilion, ↑7%).

Nota:

Perlu diambil perhatian bahawa dari segi konsep, angka eksport dan import dalam perangkaan perdagangan luar negeri adalah berbeza daripada apa yang terdapat dalam akaun barang untuk perhitungan imbalan pembayaran. Penyusunan perangkaan perdagangan antarabangsa biasanya dibuat berdasarkan rekod kastam yang mencerminkan pergerakan barang fizikal dari satu sempadan ke sempadan yang lain, dan mengikut garis panduan antarabangsa mengenai konsep-konsep dan definisi-definisi contohnya International Merchandise Trade Statistics: Concepts and Definitions 2010 (IMTS 2010) yang berbeza dengan prinsip-prinsip Sistem Akaun Negara (SNA) dan perhitungan Imbalan Pembayaran (BOP). Dalam SNA, barang didefinisikan sebagai "barang fizikal yang ada permintaan dan di mana hak milik boleh dikenal pasti serta hak miliknya boleh dipindahkan dari satu institusi ke institusi lain melalui pasaran".

Ini adalah keluaran awalan, keterangan terperinci akan diterbitkan dalam laporan "PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI BULANAN" yang akan dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, untuk kegunaan umum pada jam 1200, Rabu, 6 Disember 2017 dan boleh dimuat turun melalui eStatistik di portal Jabatan Perangkaan Malaysia (<https://newss.statistics.gov.my/newss-ortalx/ep/epLogin.seam>).

- + Siaran media ini boleh diakses daripada portal Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (<http://www.miti.gov.my>) dan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (<http://www.matrade.gov.my>).

Data bulan Oktober 2017 adalah provisional dan tertakluk kepada semakan/pindaan dalam keluaran berikutnya.

Mulai bulan rujukan September 2015, terdapat perubahan kecil pada pemilihan kod bagi eksport dan import bagi barang/komoditi utama dan terpilih mengikut sektor

JADUAL 1: RINGKASAN PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA

Tahun/ Tempoh	<u>Jumlah Eksport</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Jumlah Import</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Imbangan Perdagangan</u> <u>(RM Juta)</u>	<u>Jumlah Perdagangan</u> <u>(RM Juta)</u>
2016^f				
Januari	61,850.8	56,455.2	5,395.6	118,306.0
Februari	56,716.7	49,365.9	7,350.7	106,082.6
Mac	66,555.0	55,391.0	11,164.0	121,946.0
April	61,319.2	52,285.6	9,033.6	113,604.8
Mei	59,990.4	56,772.6	3,217.8	116,763.1
Jun	66,508.3	60,926.5	5,581.8	127,434.8
Julai	60,067.3	57,967.6	2,099.7	118,034.9
Ogos	67,667.6	59,044.7	8,622.9	126,712.3
September	68,182.1	60,468.8	7,713.3	128,650.9
Oktober	69,334.2	59,452.0	9,882.2	128,786.3
November	72,971.0	63,857.6	9,113.5	136,828.6
Disember	75,801.5	66,831.1	8,970.4	142,632.6
2016 (Jan-Dis)^f	786,964.2	698,818.7	88,145.5	1,485,782.8
2017^p				
Januari	70,269.8	65,529.6	4,740.2	135,799.5
Februari	71,793.4	63,061.0	8,732.4	134,854.5
Mac	82,624.8	77,224.6	5,400.2	159,849.4
April	73,871.7	65,213.5	8,658.2	139,085.2
Mei	79,418.1	73,901.0	5,517.1	153,319.2
Jun	73,083.1	63,191.4	9,891.7	136,274.4
Julai	78,628.4	70,591.7	8,036.8	149,220.1
Ogos	82,304.2	72,294.4	10,009.8	154,598.5
September	78,258.1	69,654.2	8,603.8	147,912.3
Oktober	82,412.1	71,851.6	10,560.5	154,263.7
2016 (Jan-Okt)^f	638,191.7	568,130.0	70,061.6	1,206,321.7
2017 (Jan-Okt)^p	772,663.8	692,513.0	80,150.7	1,465,176.8

Nota: Jumlah tidak semestinya terhasil disebabkan pembundaran.

JADUAL 2: BARANGAN UTAMA EKSPORT

Barangan	Okt 2017 ^p	Sep 2017 ^p	Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	82,412.1	78,258.1	69,334.2
Barangan Elektrik & Elektronik	31,109.3	30,873.4	26,622.3
Keluaran Petroleum	6,166.4	6,004.9	5,077.9
Kimia & Bahan Kimia	5,931.9	5,235.8	5,048.9
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian			
Berasaskan Minyak Sawit	4,975.0	4,497.1	4,610.4
Barangan Perkilangan Logam	3,394.0	3,252.3	2,459.6
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	3,228.0	3,021.0	2,823.2
Barangan Optik & Saintifik	3,095.9	2,688.6	2,573.1
LNG	2,928.7	3,045.1	2,755.8
Petroleum Mentah	2,854.7	1,744.8	1,752.9
Keluaran Getah	2,249.9	2,080.2	1,722.3

JADUAL 3: PASARAN UTAMA EKSPORT

Pasaran	Okt 2017 ^p	Sep 2017 ^p	Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	82,412.1	78,258.1	69,334.2
China	11,453.3	11,393.2	9,504.8
Singapura	11,273.0	11,248.7	9,706.9
AS	8,017.3	7,675.8	7,043.4
Jepun	5,932.1	5,834.7	4,927.7
Hong Kong SAR	5,151.8	4,579.1	3,325.6
Thailand	4,879.1	3,866.9	3,747.3
Indonesia	3,241.7	3,228.5	2,659.7
Australia	2,681.0	2,350.1	2,128.3
India	2,590.4	2,617.5	2,746.3
ROK	2,425.7	2,179.4	2,163.7

JADUAL 4: BARANGAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2017 ^p	Jan-Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	772,663.8	638,191.7
Barangan Elektrik & Elektronik	282,557.4	234,590.9
Keluaran Petroleum	60,540.9	43,678.5
Kimia & Bahan Kimia	55,838.7	48,253.2
Minyak Sawit & Keluaran Pertanian		
Berasaskan Minyak Sawit	45,092.6	38,952.4
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	33,740.3	31,352.5
LNG	32,903.9	25,585.5
Barangan Perkilangan Logam	30,910.6	27,393.1
Barangan Optik & Saintifik	26,703.9	23,560.0
Petroleum Mentah	22,825.7	17,270.3
Keluaran Getah	22,001.4	16,495.9

JADUAL 5: PASARAN UTAMA EKSPORT (JANUARI - OKTOBER)

Pasaran	Jan-Okt 2017 ^p	Jan-Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Eksport	772,663.8	638,191.7
Singapura	112,746.3	93,040.1
China	103,318.9	77,417.9
AS	74,184.5	66,391.1
Jepun	61,955.8	51,566.1
Thailand	41,905.3	36,011.7
Hong Kong SAR	37,491.7	30,801.6
India	29,129.8	26,284.4
Indonesia	28,872.2	22,726.1
Australia	26,574.0	21,323.3
Viet Nam	22,467.5	19,334.3

JADUAL 6: BARANGAN UTAMA IMPORT

Barangan	Okt 2017 ^p	Sep 2017 ^p	Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	71,851.6	69,654.2	59,452.0
Barangan Elektrik & Elektronik	21,759.2	22,267.1	17,528.4
Keluaran Petroleum	7,183.0	6,000.6	4,647.1
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	6,899.7	6,403.1	5,769.7
Kimia & Bahan Kimia	6,721.2	6,566.6	5,321.5
Barangan Perkilangan Logam	3,819.6	4,118.3	3,195.9
Kelengkapan Pengangkutan	3,257.0	3,435.5	3,841.4
Barangan Besi & Keluli	2,252.1	2,295.4	2,045.6
Barangan Optik & Saintifik	2,206.9	2,004.3	1,915.4
Barangan Makanan Diproses	1,820.4	1,425.1	1,706.7
Petroleum Mentah	1,430.3	1,104.8	1,130.1

JADUAL 7: PASARAN UTAMA IMPORT

Pasaran	Okt 2017 ^p	Sep 2017 ^p	Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	71,851.6	69,654.2	59,452.0
China	13,567.9	13,289.8	11,558.2
Singapura	9,102.6	8,550.3	6,667.9
Jepun	5,595.8	5,327.8	4,849.2
AS	5,341.3	5,143.7	4,342.0
Taiwan	4,674.3	5,224.9	3,537.6
Thailand	3,978.3	3,985.3	3,483.3
ROK	3,126.8	3,617.7	3,508.0
Indonesia	3,091.0	2,910.2	2,804.7
Jerman	2,938.4	1,905.1	2,222.5
India	2,457.6	2,648.5	1,410.5

JADUAL 8: BARANGAN UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)

Barangan	Jan-Okt 2017 ^p	Jan-Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	692,513.0	568,130.0
Barangan Elektrik & Elektronik	209,021.6	171,442.2
Kimia & Bahan Kimia	66,036.6	56,051.5
Jentera, Kelengkapan & Peralatan	64,659.4	52,436.8
Keluaran Petroleum	63,103.5	41,913.1
Barangan Perkilangan Logam	35,832.6	31,876.5
Kelengkapan Pengangkutan	34,174.2	34,849.5
Barangan Besi & Keluli	22,611.0	18,430.6
Barangan Optik & Saintifik	20,810.1	17,921.3
Barangan Makanan Diproses	17,208.1	14,986.2
Tekstil, Pakaian & Kasut	14,587.0	14,800.7

JADUAL 9: PASARAN UTAMA IMPORT (JANUARI - OKTOBER)

Pasaran	Jan-Okt 2017 ^p	Jan-Okt 2016 ^f
	RM Juta	RM Juta
Jumlah Import	692,513.0	568,130.0
China	134,643.8	114,288.0
Singapura	76,132.5	59,994.2
AS	59,058.7	45,695.8
Jepun	52,642.1	46,594.6
Taiwan	45,104.8	33,896.7
Thailand	39,917.5	34,499.3
Indonesia	31,515.8	23,716.6
ROK	30,862.2	30,756.6
India	22,231.6	13,546.3
Jerman	21,656.6	19,682.8

Sumber : Jabatan Perangkaan, Malaysia

Disediakan oleh: MATRADE

Nota:

f - data muktamad

p - data provisional

CARTA 1: PERDAGANGAN LUAR MALAYSIA BULANAN, 2011-2017

